

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/02/27_04 (HQ)

TNB LANTIK DATUK IR. TS. SHAMSUL BIN AHMAD SEBAGAI PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BAHARU BERKUAT KUASA 1 MAC 2026

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan pelantikan Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif baharu, berkuat kuasa 1 Mac 2026.

Beliau menggantikan Datuk Ir. Megat Jalaluddin bin Megat Hassan yang menamatkan tempoh perkhidmatannya pada 28 Februari 2026 selepas berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif sejak Mac 2024.

Datuk Ir. Ts. Shamsul pada masa kini memegang jawatan *Chief Regulatory and Stakeholder Management Officer* di TNB, di mana beliau memainkan peranan penting dalam membentuk landskap regulatori industri serta memperkukuh keyakinan pihak berkepentingan bagi menyokong aspirasi jangka panjang TNB. Dengan lebih 37 tahun perkhidmatan di TNB, beliau membawa pengalaman kepimpinan yang luas merangkumi pelbagai portfolio.

Sebelum itu, beliau merupakan Pengarah Urusan TNB Fuel Sdn. Bhd. dan pernah juga menerajui TNB Janamanjung Sdn. Bhd. selama sedekad. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal dari North Carolina A&T State University, Amerika Syarikat, serta Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Tenaga Nasional.

Lembaga Pengarah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Ir. Megat Jalaluddin atas kepimpinan dan sumbangan beliau dalam memperkukuh kecemerlangan operasi, daya tahan kewangan serta penciptaan nilai jangka panjang Syarikat. Di bawah kepimpinan beliau, TNB memperkukuh asas terasnya dan mempercepat agenda Peralihan Tenaga bagi menyokong aspirasi Malaysia mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Lembaga Pengarah mengucapkan tahniah kepada Datuk Ir. Ts. Shamsul atas pelantikan ini dan yakin bahawa pengetahuan institusi yang mendalam, kepakaran regulatori serta pengalaman operasi beliau akan memastikan kesinambungan kepimpinan, memacu transformasi dan terus memperkukuh peranan TNB sebagai peneraju tenaga nasional serta penyedia utama penyelesaian tenaga mampan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan

elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Februari 2026 jam 12:30 tengah hari

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606
Atau emel kami di: media@tnb.com.my*



Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad dilantik sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB baharu, berkuat kuasa 1 Mac 2026.